

Kemahiran Bekerja Sebagai Pelengkap Kepada Sistem Pendidikan Ke arah Merekrut Pekerja Bagi Memenuhi Keperluan Industri

oleh

Mohd Yusop bin Ab.Hadi

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Tekniologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
86400 Parit Raja, Batu Pahat Johor
yusop02@hotmail.com

ABSTRAK

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa dinamik. Ia bertujuan supaya sistem pendidikan formal dapat memenuhi keperluan perubahan semasa dan membantu mencapai wawasan negara. Cita-cita pendidikan di Malaysia telah dinyatakan dalam bentuk falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara telah dinyatakan sebagai Wawasan 2020. Ibu bapa mempunyai pelbagai harapan apabila menghantar anak-anak ke sekolah. Paling ketara mereka mengharapkan dengan ilmu dan kemahiran yang diperolehi daripada sistem persekolahan anak-anak mereka akan dapat menjawat sesuatu pekerjaan. Jawatan yang dijawab jika sesuai dengan minat, kebolehan dan keupayaan yang dimiliki oleh pekerja terutamanya bagi pekerjaan yang wujud di industri secara tidak langsung menjadi mangkin kepada pencapaian wawasan negara. Kertas kerja ini cuba mengenengahkan beberapa kemahiran pekerjaan yang sesuai diterapkan melalui sistem pendidikan sama ada melalui proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran akademik mahupun kegiatan ko-kurikulum. Penerapan kemahiran bekerja ini diharapkan dapat menyediakan di peringkat awal kemahiran bekerja di kalangan pelajar-pelajar.

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa dinamik. Perubahan demi perubahan dilakukan bertujuan untuk menyesuaikan pengisian kepada sistem pendidikan formal supaya dapat memenuhi kehendak dan keperluan semasa serta menjadi mangkin kepada alat untuk mencapai wawasan negara.

Kedinamikan pendidikan wajar berlangsung kerana pergerakan sedemikian merupakan usaha untuk mencapai hasrat yang terkandung dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Cita-cita pendidikan formal terserlah dalam falasafah pendidikan kebangsaan yang dinyatakan sebagai;

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Wawasan negara yang dikenali sebagai Wawasan 2020 juga merupakan pencetus kepada idea kepada perubahan kurikulum dalam sistem pendidikan formal. Wawasan 2020 bermatlamatkan negara Malaysia akan menjadi sebuah negara industri menjelang tahun 2020.

Semenjak falsafah pendidikan kebangsaan diterima pakai sepenuhnya sebagai panduan kepada arah tuju pendidikan di Malaysia mulai tahun 1998 pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dilaksanakan. Di antara pembaharuan dan perubahan yang dilakukan dalam sistem pendidikan formal ialah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), sekolah bestari, dan sekolah wawasan. Perubahan yang terbaharu ialah pengajaran dan penyampaian isi pelajaran yang berteraskan sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris.

Fenomena yang jelas berkaitan dengan hasrat seseorang dihantar mengikuti sesuatu sistem pendidikan ialah untuk menjadikan sistem pendidikan ini sebagai penjamin kehidupan di masa hadapan. Apa jua jenis pekerjaan sama ada kerja yang semudah-mudahnya sehinggalah kepada pekerjaan yang kompleks akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi seseorang memerlukan asas-asas pendidikan atau kemahiran untuk melaksanakan pekerjaan tersebut.

Usaha secara rasmi telah dilakukan oleh masyarakat untuk memberi kemahiran bekerja melalui sistem pendidikan formal. Ini dilakukan dengan memperkenalkan sistem pendidikan vokasional yang bermatlamat memberi kemahiran-kemahiran bekerja di kalangan pelajar-pelajarnya. Di negara kita Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah menetapkan dua objektif pendidikan vokasional iaitu:

1. Menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor perdagangan, industri dan pertanian.
2. Membina asas yang kukuh untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional.

Walaupun aliran-aliran pendidikan formal yang lain tidak dinyatakan secara objektif bahawa pendidikan yang diberi kepada mereka sebagai persiapan untuk menjalankan pekerjaan, tetapi hakikatnya tidak semua pelajar yang menamatkan pengajian di peringkat menengah dapat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran akan mengambil langkah untuk bekerja. Sehingga kini masih terdapat jawatan atau kerja ssamaada di sektor awam mahupun di sektor swasta yang memerlukan kelulusan di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia seperti

kerani, juruteknik, mekanik, operator pengeluaran, anggota polis, anggota bomba dan pembantu makmal, mekanik

Pastinya sesuatu yang merugikan sekiranya majikan mendapat pekerja-pekerja yang tidak produktif. (ITRU, 1979) mengkategorikan pekerja ini sebagai pekerja jenis Z (*non-improvers*). Ciri-ciri pekerja seperti ini ialah 'tidak cekap mengurus dan menggunakan masa', 'tidak boleh untuk memberi tumpuan sepenuhnya', dan 'terlalu yakin dengan kebolehan diri'.

Persoalannya sejauhmanakah sistem pendidikan formal negara mampu memenuhi kehendak majikan memandangkan polisi di antara majikan mungkin berbeza kerana pemilihan pekerja untuk mengoperasi pengeluaran industri masing-masing adalah dipengaruhi oleh jenis produk yang akan dikeluarkan oleh industri berkenaan. Sebagai contoh pekerja juruteknik komputer pastinya memerlukan kemahiran bekerja yang berbeza dengan juruteknik mekanikal atau juruteknik perubatan.

Memandangkan pekerjaan sememangnya memerlukan kemahiran-kemahiran yang khusus untuk menyempurnakan kerja, maka terdapat institusi pekerjaan yang menjalankan kursus-kursus yang berorientasikan pekerjaan untuk memastikan pekerja-pekerja baru dapat menjalankan kerja dengan sempurna. Mereka ini seterusnya akan diberi pendidikan dan kemahiran dari masa ke semasa sebagai usaha membangunkan sumber manusia di jabatan masing-masing.

Melalui pelaksanaan sistem pendidikan formal nilai-nilai pekerjaan boleh diterapkan di kalangan pelajar-pelajar. Ia merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan. Selain daripada kemahiran bekerja yang berbentuk kecekapan teknikal, nilai-nilai bekerja yang berbentuk kemahiran kemanusiaan, kemahiran sosial dan kemahiran belajar mempunyai potensi untuk diterapkan melalui proses pengajaran dalam sistem pendidikan formal.

Kertas kerja ini cuba mengutarakan nilai-nilai pekerjaan yang dikehendaki oleh majikan dan nilai-nilai ini boleh dirancang dan diterapkan dalam sistem pendidikan formal.

Nilai-nilai pekerjaan yang relevan kepada kehendak organisasi pekerjaan

Sejarah membuktikan bahawa kewujudan sistem pendidikan di dalam sesebuah masyarakat mempunyai kaitan yang rapat dengan persediaan seseorang ahli masyarakat untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan disamping berusaha untuk mendidik pelajar-pelajar mengamalkan nilai-nilai murni dan keagamaan. Di satu masa dahulu pekerjaan dan cara kehidupan masyarakat tidaklah kompleks seperti pada masa kini. Oleh kerana itu sistem pendidikan mereka juga agak ringkas seperti mengajar cara-cara memburu binatang, menangkap ikan, melukis seni khat, bercucuk tanam dan menternak binatang ternakan di samping mendidik mereka dengan nilai-nilai murni.

Pada masa kini kehidupan manusia menjadi semakin kompleks. Pekerjaan yang menjadi sumber kepada penyaraan kehidupan mereka juga kompleks. Perubahan-perubahan yang

berlaku terhadap cara hidup dan bentuk pekerjaan telah mempengaruhi pelaksanaan sistem pendidikan negara. Sistem pendidikan formal telah bergerak ke arah memenuhi kehendak dan perubahan semasa. Kerana itu sistem pendidikan semakin kini menjadi semakin kompleks dan kadang kala dilihat tidak relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan.

Pekerjaan separa mahir secara kasarnya tidak mempunyai kaitan dengan mata-mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Sebagai contoh untuk menjadi seorang pegawai kerani seseorang perlu mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Subjek yang relevan dengan kerjaya ini ialah matematik dan bahasa Melayu. Subjek-subjek lain yang seperti geografi, sains, kemahiran hidup, sejarah, dan pendidikan jasmani mempunyai nilai tersendiri tetapi tidak dapat dikaitkan secara langsung penggunaannya dengan kerjaya kerani.

Untuk penerapan nilai-nilai pekerjaan sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan, kajian harus dijalankan ke atas organisasi yang menyediakan pekerjaan untuk mengenalpasti nilai-nilai pekerjaan bersifat global yang diperlukan oleh majikan. Majikan memerlukan seseorang pekerja yang mempunyai sifat dan ciri-ciri tertentu untuk menghasilkan kualiti kerja yang tinggi dan menepati keperluan organisasi.

Kehendak ibu bapa nilai pekerjaan diterapkan dalam sistem pendidikan

Beberapa kajian menunjukkan bahawa sebab utama individu menghantar anak mereka ke sekolah ialah mempersiapkan anak-anak bagi menceburi sesuatu kerjaya. Entwistle dalam tahun 1970 telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa 90% daripada ibu bapa inginkan sekolah mengajar perkara-perkara yang membolehkan anak-anak mereka memperolehi pekerjaan. Kepentingan pendidikan dalam mempersiapkan diri untuk menceburi kerjaya juga dipersetujui oleh 86% daripada pelajar lelaki dan 88% daripada pelajar perempuan di sesebuah sekolah.

Wellington (1989) telah menjalankan kajian berkaitan dengan tujuan seseorang mengikuti pendidikan formal. Dapatan kajian beliau mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Entwistle (1970). Namun begitu menurut beliau lagi, terdapat individu atau pelajar yang menyembunyikan hasrat mereka ini di sepanjang pembelajaran dalam sistem pendidikan formal. Mereka mengharapkan pendidikan yang diikuti adalah relevan dengan pekerjaan yang akan diceburi apabila tamat pengajian. Melalui kajian ini Wellington (1989) juga mendapati ibu bapa yang datangnya daripada keluarga kelas pertengahan lebih mengutamakan pendidikan sebagai persediaan untuk menjawat sesuatu pekerjaan berbanding dengan ibu bapa daripada golongan yang lain. Sekiranya diberi peluang dan autoriti mereka akan menentukan subjek-subjek yang mempunyai nilai pekerjaan atau mempunyai nilai untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi serta menjurus kepada pekerjaan yang akan dijawab anak-anak mereka tamat pengajian.

Memenuhi Kecekapan Bekerja yang diperlukan oleh industri

Untuk menjadikan pendidikan sebagai persediaan untuk bekerja maka sewajarnya pendidikan dapat menyediakan pelajar-pelajar dengan kecekapan untuk bekerja. Kecekapan bekerja yang disalurkan melalui sistem pendidikan formal adalah kecekapan-kecekapan bekerja yang dapat memenuhi keperluan majikan, keperluan industri dan keperluan ekonomi. Mengikut Callagan (1976) sistem pendidikan dan latihan seharusnya mampu membangunkan manusia dengan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan ekonomi.

Untuk mengetahui jenis-jenis kecekapan dan kemahiran yang diperlukan oleh majikan, industri dan mempunyai nilai ekonomi, kajian mengenainya perlu dilakukan dari masa ke semasa. Dalam menentukan kemahiran-kemahiran yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan dan latihan Lock (1960) mencadangkan supaya terlebih dahulu diperjelaskan akan konsep perkataan 'industri', ekonomi dan pekerjaan.

Watts (1983) dan rakan-rakan mendapati sekurang-kurangnya tiga perkara yang mempengaruhi penentuan jenis-jenis kecekapan bekerja yang diperlukan oleh majikan. Perkara-perkara tersebut ialah keperluan nasional, keperluan global dan keperluan ekonomi. Ketiga-tiga ini menyebabkan kecekapan pekerja yang dikehendaki berbeza di antara majikan dan industri.

Seterusnya Watt (1983) mendapati bahawa majikan lebih mudah mengenalpasti kecekapan bekerja yang diperlukan ada pada pekerja untuk keperluan semasa tetapi agak sukar untuk menentukan kecekapan-kecekapan bekerja bagi jangka masa yang panjang. Beliau mencadangkan supaya kecekapan bekerja bagi jangka masa panjang ditentukan sendiri oleh pekerja dan pihak-pihak luar daripada industri.

Wellington (1993) menyarankan supaya jenis-jenis kecekapan bekerja yang ingin diterapkan dalam sistem pendidikan seharusnya dikenalpasti melalui penyelidikan supaya dapat memenuhi keperluan majikan, industri dan ekonomi. Sampel kajian terdiri daripada majikan, institusi ekonomi, industri, pelajar-pelajar sekolah, pelajar-pelajar yang telah tamat persekolahan, pelajar-pelajar dan lulusan institusi pengajian tinggi serta pencari pekerja.

Welsh (1987) telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti jenis-jenis kecekapan bekerja yang diperlukan oleh majikan. Fokus kecekapan bekerja yang dikehendaki oleh majikan ialah sikap pekerja, peraturan bekerja, perangai pekerja, kebolehan bekerja, kecekapan bekerja dan perakuan terhadap pekerja.

Jadual 1 menunjukkan kecekapan-kecekapan bekerja yang diperlukana oleh majikan yang disusun mengikut tahap kepentingan.

Jadual 1: Tahap kepentingan bekerja mengikut persepsi majikan

| | Sangat penting % | Penting % | Tidak penting % |
|-------------------------------------------------------------------------|---------------------|--------------|--------------------|
| Boleh dipercayai kejujurannya | 91 | 7 | 2 |
| Menepati masa | 91 | 9 | 0 |
| Sedia untuk belajar | 88 | 9 | 3 |
| Kebolehan bekerja dalam pasukan | 85 | 14 | 1 |
| Enthusiam | 82 | 17 | 1 |
| Kelihatan bersih dan kemas | 78 | 20 | 2 |
| Boleh bekerja dengan penyeliaan yang minima | 61 | 33 | 1 |
| Inisiatif | 59 | 34 | 7 |
| Boleh bekerja dengan menggunakan angka | 56 | 30 | 14 |
| Kebolehan menyampaikan mesej dengan jelas dan ringkas melalui penulisan | 52 | 38 | 10 |
| Bijak mengurus | 52 | 42 | 6 |
| Kebolehan untuk bercakap dengan lancar dan yakin | 51 | 40 | 9 |
| Boleh dijadikan sahabat | 44 | 44 | 12 |
| Mempunyai kelulusan yang sesuai dengan pekerjaan | 35 | 22 | 43 |
| Mendapat gred yang baik dalam peperiksaan dan mata pelajaran akademik | 30 | 31 | 39 |
| Lulus dalam mata pelajaran vokasional | 23 | 36 | 39 |
| Berpakaian yang menarik | 23 | 38 | 39 |
| Mempunyai beberapa pengalaman bekerja secara umum | 23 | 22 | 55 |
| Kreativiti | 22 | 46 | 34 |
| Berpengalaman bekerja yang berkaitan dengan pekerjaan | 21 | 16 | 63 |
| Boleh dipercayai kejujurannya | 91 | 7 | 2 |
| Menepati masa | 91 | 9 | 0 |

Sumber : Ubahsui daripada Recruitment & Training Reserch Unit, The Polytechnic of Wales, Jun 1987 dalam Willington, J (1993).

Kesimpulan dan Cadangan Jenis Kecekapan Bekerja Untuk Diterapkan Dalam Sistem Pendidikan

Untuk memenuhi harapan ibu bapa yang sanggup membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak, pihak majikan yang memerlukan pekerja yang cekap bekerja dan pihak industri yang menjadi penyumbang terbesar menyediakan pekerjaan, sewajarnya pihak sekolah membantu mendidik pelajar-pelajar dengan nilai-nilai kecekapan bekerja melalui sistem pendidikan yang sedia ada.

Nilai-nilai pekerjaan ini boleh diterapkan melalui proses pengajaran mata-mata pelajaran yang sedia ada atau melalui kegiatan kokurikulum. Nilai-nilai kecekapan bekerja secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu: kecekapan kemanusiaan dan sosial dan kecekapan teknikal.

Jujur, menepati masa, bersedia untuk belajar, boleh bekerja dalam pasukan, enthusiasm, pembersih dan kemas, inisiatif, boleh menggunakan angka untuk menyelesaikan kerja, boleh menyampaikan mesej yang jelas dan ringkas melalui penulisan, bijak mengurus, boleh bercakap dengan lancar dan yakin

Selain daripada itu

KECEKAPAN - Pekerja yang efektif adalah pekerja yang boleh menggunakan dengan berkesan perkara-perkara berikut:

- Cekap menggunakan sumber – penggunaan masa, kewangan, ruang dan staf
- Kemahiran interpersonal –bekerja dalam pasukan, mengajar orang lain, memberi khidmat kepada pelanggan, memimpin, berunding, dan bekerja dengan mereka yang daripada berlainan budaya dan latar belakang
- Maklumat – memperoleh dan menilai data, mengurus dan menyelenggara fail, menginterpretasi dan komunikasi, dan menggunakan komputer untuk memproses maklumat
- Sistem – memahami sistem sosial, organisasi, dan teknologi, memantau dan memperbaiki performance, dan mereka bentuk atau menambah baik sistem
- Teknologi – memilih radas dan peralatan, menggunakan teknologi untuk tugas-tugas khas, dan menyelenggara trouble shooting technologies

KECEKAPAN TERAS

- Kemahiran asas – membaca, menulis, arithmetik dan matematik, bercakap dan mendengar;
- Kemahiran berfikir – berfikir secara kreatif, membuat keputusan, melihat sesuatu melalui minda, mengetahui cara belajar, dan reasoning
- Kualiti personal – tanggungjawab individu, self-esteem, kebolehan bersosial, pengurusan diri, dan integrati

Bibliografi

ITRU (1979). *The A-Z Study: Differences Between Improvers and Non-Improvers Among Young Unskilled Workers* Cambridge: Industrial Training Research Unit. Dalam Wellington J (1993).

Entwistle, H (1970). **Education, Work and Leisure**. London: Routledge and Kegan Paul

Locke, J (1960). **An essay concerning human understanding**. In Wozzley, A D (ed). London: Fontana/Collins.

Raven, J (1984). **Competence in Modern Society: Its Identification, Development and Release**. London: H.K. Lewis.

Roizen, J dan Jepson, M (1985). **Degrees for Jobs: Employer's Expectations of Higher Education**. Windsor: SRHE and NFER-Nelson.

Watts (1983) Watts, AG (1983). *Education, Unemployment and the Future of work*. Milton Keynes: Open University Press.

Wellington, JJ (1989a) 'Cradle snatching –attracting school leavers', Times Educational Supplement, 2 June.

Wellington, J (1993). **The Work Related Curriculum: Challenging the Vocational Imperative**. London: Kogan Page Limited.

SCANS (1991). *What work requires of Schools: A Scans Report for America 2000*, Washington DC: US Department of Labor